

N.S. P.U. 7.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/ 2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Aliran dan Dakyah Wahabiah adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Percanggahan ini berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan seperti yang berikut:
 - (a) Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20;
 - (b) Menganggap syirik amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti perbuatan *tawassul*, *tabarruk*, *istighathah* dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti Selawat *Syifa'* dan Selawat *Tafrijiyyah*;
 - (c) Mendakwa bahawa pengikut Aliran Asya'irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (d) Membid'ahkan pelbagai amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersifat khilafiah sebagai melakukan bid'ah dhalalah dan pengamalnya akan menjadi penghuni neraka;
 - (e) Menganggap amalan dan sambutan-sambutan yang dilakukan bertujuan memuliakan Rasulullah SAW sebagai perbuatan syirik;
 - (f) Menolak sepenuhnya beramal dengan hadith dhaif;
 - (g) Memahami al-Quran dan al-Sunnah secara makna zahir semata-mata dan menolak pentakwilan dalam memahami teks al-Quran;
 - (h) Menolak fahaman bermazhab;

- (i) Menolak kefahaman dan amalan tarekat tasawuf yang muktabar;
 - (j) Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka;
 - (k) Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama;
 - (l) Berpegang dengan kefahaman *tasybih* dan *tajsim* berdasarkan zahir ayat dan hadith yang *mutasyabihat*; dan
 - (m) Mudah mengkafirkan, membid'ahkan dan memfasikkan golongan yang tidak sehaluan dengan mereka.
2. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan memutuskan bahawa mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
- (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran, pegangan dan fahaman Aliran dan Dakyah Wahabiah yang berlawanan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (b) mengajar, menyebarkan, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan dakyah atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan Aliran dan Dakyah Wahabiah; atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbitkan, menjual, mengedarkan atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan dikaitkan dengan Aliran dan Dakyah Wahabiah.

Dibuat 25 Februari 2022

[JMKNNNS.BPK.100-32/1: PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HJ. MOHD YUSOF BIN HJ. AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*